

Pusat Khidmat Maklumat Akademik

Majlis Penyerahan Bahan Bacaan Kepada SK Rembus & SMK Tebekang

28 Okt 2015, Bilik Mesyuarat PKMA

Salam Sejahtera & Salam UNIMAS ku sayang,

Yang dihormati,

Puan Messay John Uja, Penolong Kanan Pentadbiran, Cikgu Josephine Edward Dengga dan Cikgu Azrin, wakil SK Kampung Rembus, Kota Samarahan , **Puan Fauziah Bee Binti Mohd. Salleh**, Pegawai Psikologi UNIMAS, merangkap Penasihat Kelab Penyayang, **adik Muhamad Syahir Zaini bin Shahimi** Pengerusi Kelab Penyayang UNIMAS

Yang dihormati **Cikgu Suzy Raymond Langin**, wakil SMK Tebekang, Serian dan **En. Raymond Patrick Atet**, wakil alumni SMK Tebekang,

Yang Berusaha, Pn. Korina Ibrahim, Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Pn Sri Muniarty John, Pustakawan Kanan Unit Promosi & Antarabangsa

Para Pustakawan, tuan-tuan dan puan-puan,

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan selamat datang dan terima kasih kepada SK Rembus Kota Samarahan dan SMK Tebekang Serian kerana sudi hadir untuk menjayakan Majlis Penyerahan Bahan Bacaan dari pihak Pusat Khidmat Maklumat Akademik, UNIMAS pada pagi ini.

Tujuan Program pagi ini adalah untuk merealisasikan penglibatan serta sumbangan PKMA kepada komuniti luar melalui Program Khidmat Masyarakat Pusat di bawah Unit Promosi & Antarabangsa dengan kerjasama Kelab PKMA.

Melalui program ini, kita berharap akan memberi impak yang positif serta memupuk minat membaca dalam kalangan pelajar sambil mendapat ilmu pengetahuan dan maklumat dari bahan-bahan bacaan tersebut.

Membaca sebenarnya adalah senaman minda yang paling mudah & tidak perlu berbelanja besar. Yang penting minat membaca mestilah dipupuk dalam diri anak-anak kita. Justeru itu, ibu bapa dinasihatkan untuk

memberi galakan kepada anak-anak mereka untuk memupuk minat membaca sejak dari kecil lagi.

Dengan membaca sel-sel otak manusia akan sentiasa aktif, lebih-lebih lagi. Ia bagus untuk melatih otak kita berfikir serta fokus dan menguatkan lagi memori kita. Membaca juga boleh membuat personaliti seseorang itu menjadi lebih berdisiplin, pemikiran lebih kreatif, meningkatkan kemahiran membaca dan tatabahasa serta memberi keyakinan bila berkomunikasi.

Ibu bapa dan guru-guru di sekolah juga bertanggungjawab memilih serta memantau bahan-bahan bacaan yang dibaca oleh anak-anak. Membawa pemikiran mereka ke unsur-unsur yang positif adalah penting agar mereka kelak menjadi insan yang berpengetahuan dan berfikiran positif.

Hadirin sekalian,

Pusat Khidmat Maklumat Akademik bukan sahaja menyediakan sumber ilmu kepada warga UNIMAS, tetapi juga terlibat dengan aktiviti-aktiviti Khidmat Masyarakat seperti menyumbangkan bahan bacaan ke sekolah-sekolah, dan organisasi yang memerlukan. Kita juga bersedia sekiranya ada permohonan untuk mengangkat sekolah dan kampung supaya kita dapat bekerja sama dengan pihak kampung atau sekolah berkenaan dalam memberi khidmat masyarakat .

Untuk makluman hadirin sekalian, sumber bahan bacaan bagi Program Khidmat Masyarakat PKMA diperoleh melalui projek *CAIS Book Donation Station*. Buku-buku ini adalah sumbangan dari para pelajar, pensyarah dan staf UNIMAS. Selain itu, terdapat juga buku-buku yang dihadiahkan oleh organisasi dan orang luar. PKMA mempunyai tiga *Book Donation Station*, satu di Aras LG, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, satu di tempatkan di Student Pavilion dan satu lagi di Pusat Khidmat Maklumat Akademik. Kita merancang akan menempatkan 2 lagi *Book Donation Station* ia itu, di PKMA Perubatan dan PKMA Pra- U di Kampus Timur bagi menjayakan program ini.

Kita sangat berterima kasih kepada mereka yang sudi menderma bahan-bahan bacaan tersebut dan berharap lebih ramai lagi yang akan menyumbangkan buku-buku baharu dan terpakai bagi melestarikan program ini. Semoga apa yang kita lakukan dan kongsi akan membawa kebaikan lebih-lebih lagi berkaitan dengan pendidikan dan pembelajaran.

Saya juga ingin mengucapkan syabas kepada semua staf PKMA yang terlibat sama dalam menjayakan program ini dan harapan kita program sebegini diteruskan sampai bila-bila untuk kepentingan bersama.

Saya akhiri ucapan ini dengan sebuah pantun

Majlis ilmu tempat bertemu

Amalan membaca jadikan budaya

Buku disumbangkan tambahan ilmu

Khidmat Komuniti dari warga PKMA.

Sarawak bersatu bumi bertuah

Dipayungi rahmat serta kemakmuran

Bahan bacaan sebagai hadiah

Budaya ilmu mohon berpanjangan

Sekian terima kasih....